



Mengenang Jasa

TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI **(1939-2025)**

Pemergian Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 14 April 2025 lalu menandakan berakhirnya hayat seorang negarawan yang mengingatkan kita tentang kehilangan satu bentuk kepimpinan yang semakin asing dalam politik kontemporari. Ketika kebanyakan aktor politik kini cenderung untuk memikirkan soal kuasa, Tun Abdullah membuktikan bahawa kepimpinan itu boleh sahaja berakar pada kesederhanaan dan keikhlasan.

Seorang Negarawan



Keunikan seorang Abdullah Ahmad Badawi terletak pada perwatakannya yang dikenali umum sebagai berimej bersih dan bersahaja dalam perilaku serta lunak dalam pertuturan, sehingga menjadikan beliau seorang ahli politik yang amat kontradiksi dengan soal permainan kuasa. Beliau merupakan anak kepada Haji Ahmad bin Haji Abdullah

Fahim, seorang ulama terkemuka di Pulau Pinang yang sedikit sebanyak menjelaskan pembentukan karakter yang membawa naungan spiritual ke dalam trajektori politiknya.

Menimbal karakter unik ini ialah sifat kepimpinan Tun Abdullah yang membentuk asas keberhasilannya menduduki tampuk tertinggi pemerintahan negara. Naluri itu diasah sejak di bangku persekolahan melalui pelibatan aktif dalam gerakan pelajar. Beliau pernah dilantik sebagai Yang Dipertua Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai pada tahun 1957, sebelum memegang peranan yang lebih besar sebagai Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada tahun 1962.

Usai menamatkan pengajian dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Malaya, Tun Abdullah memulakan kerjaya dalam sektor kerajaan dan berkhidmat sebagai penjawat awam selama lebih sedekad. Pilihan Raya



Umum 1978 menjadi titik mula penyertaannya dalam politik elektoral apabila beliau bertanding dan menang di Parlimen Kepala Batas, iaitu kawasan yang pernah menjadi gelanggang pengaruh bapanya selaku pemimpin UMNO pada peringkat bahagian. Langkah ini membuka jalan kepada pelibatan yang lebih aktif dalam kerajaan. Beliau bermula sebagai Setiausaha Parlimen sebelum mendaki ke jawatan Timbalan Menteri, Menteri penuh di beberapa kementerian utama, hingga akhirnya mengisi kedudukan pemimpin nombor dua dalam pentadbiran era Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003).

Pelantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1999 berlaku dalam suasana politik yang rapuh. Negara baru sahaja melalui krisis ekonomi, manakala UMNO sedang mengubati luka akibat pertembungan kuasa yang menggoncang asas legitimasi kepimpinan. Penyingkiran Dato' Seri Anwar Ibrahim dari koridor kuasa membuka ruang besar dalam hierarki, dan ruang itu menuntut sosok yang tidak dibayangi konflik demi meredakan ketegangan buat sementara waktu.

Tun Abdullah yang memenuhi kriteria tersebut langsung menarik perhatian Dr. Mahathir (kini Tun) pada ketika itu. Rekod perkhidmatannya dalam kerajaan menyediakan justifikasi teknikal. Beliau yang pernah menerajui beberapa kementerian strategik, bersikap tenang dan tidak meletakkan diri sebagai ancaman dalam parti. Pada saat UMNO memerlukan penyejuk keadaan, Abdullah menawarkan "suhu" yang tepat.



Menyantuni Takdir sebagai Perdana Menteri

Peralihan kuasa pada 31 Oktober 2003 berlangsung tanpa ledakan besar. Tun Dr. Mahathir menyerahkan kepimpinan secara rasmi dan Tun Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Kelima Malaysia (2003-2009). Dalam sejarah politik pascamerdeka, inilah momen paling tenang dalam proses pertukaran kuasa. Tun Abdullah ditanggapi dengan tidak membawa ancaman tersirat, lalu peralihannya diterima sebagai tanda kestabilan. Pembawaan politiknya yang lunak diterima sebagai penenang selepas era konflik dalaman parti yang belum surut sepenuhnya.

Apabila Tun Dr. Mahathir mengumumkan persaraannya pada tahun sebelumnya dalam suasana penuh dramatik, dunia politik Malaysia segera beralih kepada Tun Abdullah. Dalam suasana pascakrisis, rakyat mengimpikan perubahan dan suasana baharu.

Beliau tampil sebagai jawapan kepada keresahan kolektif itu. Dalam pilihan raya yang berlangsung

pada tahun 2004, mandat rakyat meletakkannya di puncak populariti. Barisan Nasional mencatatkan kemenangan terbesar dalam sejarah pilihan raya di Malaysia. Janji tentang integriti, reformasi institusi dan pendekatan ekonomi yang lebih manusiawi mewujudkan aura optimisme yang jarang-jarang dimunculkan. Pada saat itu, negara ini seperti menemui semula idealisme yang hampir hilang akibat kegawatan masa lalu.

Langkah awal beliau menandakan satu garis pemisah yang halus, namun nada dan gaya pentadbirannya berbeza daripada era sebelumnya. Dalam ruang waktu yang singkat, beliau memperkenalkan dasar keterbukaan. Media diberikan ruang yang lebih luas, suara masyarakat sivil mula bernafas dan ruang perbincangan awam tidak lagi ditekan. Biarpun beliau tidak mengisytiharkannya secara langsung, arah yang dipilih itu cukup jelas dalam menggambarkan tindak-tanduknya. Projek mega tidak lagi diberikan keutamaan mutlak kerana pendekatan pembangunan beralih

kepada keutamaan rakyat dan dasar awam disusun dalam bahasa yang lebih lunak, kurang konfrontasi, serta terbuka terhadap idea luar sistem. Melalui gaya dan dasar tersebut, beliau menghantar isyarat bahawa negara perlu bergerak daripada obsesi terhadap kepantasan kepada keutamaan dalam ketelitian.

Dalam tempoh awal pemerintahannya, beliau menggerakkan satu wacana pentadbiran yang menekankan soal ketelusan, kecekapan dan pengukuhan sistem kehakiman yang lama dibayangi oleh persepsi kawalan politik.

Usaha memperkenalkan pelan reformasi ekonomi yang menumpukan kepada modal insan, pembangunan wilayah melalui projek strategik seperti projek Koridor Ekonomi Malaysia, serta pemerksaan sektor pertanian berteknologi tinggi memperlihatkan bahawa beliau membaca keperluan mendasar ekonomi Malaysia. Asas kukuh dan daya tahan jangka panjang menjadi keutamaan dalam pentadbiran beliau dengan





Antara momen Allahyarham bersama-sama dengan rakan seperjuangan dalam satu acara.

menggantikan logik angka yang sekadar mempesonakan tanpa benar-benar membina.

Melalui gagasan Islam Hadhari, beliau mengetengahkan agama sebagai panduan dalam membentuk insan yang utuh. Beliau membayangkan sebuah peradaban maju yang berakar pada nilai, memuliakan ilmu dan menolak pemisahan antara agama dengan pembangunan insan.

Tumpuan terhadap pembangunan manusia menjadi nadi pentadbirannya. Dalam banyak kesempatan, beliau mengingatkan masyarakat bahawa kekuatan negara bergantung pada akal dan akhlak warganya. Kemajuan ekonomi hanya memberikan makna apabila digerakkan oleh masyarakat yang waras berfikir, tinggi nilai dan tahu

nilai Islam terus diterjemahkan dengan menumpukan usaha untuk memperbaiki integriti institusi melalui rangka tindakan seperti Misi Nasional, Pelan Integriti Nasional dan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Tumpuan ini menandakan komitmen terhadap pembaharuan sistem yang menuntut ketegasan moral dan ketahanan dasar.

Selain itu, langkah memperlakan projek mega dan mengutamakan pembangunan berasaskan rakyat menimbulkan keresahan dalam kalangan elit politik dan korporat yang selama ini menikmati limpahan keistimewaan. Pada satu ketika, beliau menolak untuk mencampuri urusan rayuan kes melibatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2004 — tindakan

Dalam satu pendedahan audio siar pada April 2025, mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan (2006-2010), mengakui bahawa beliau menjadi sasaran sabotaj dari dalam parti sendiri semata-mata kerana enggan melayan arahan yang bertentangan dengan prinsip beliau.

Secara drastik, tekanan mula datang dari pelbagai penjuror. Tun Abdullah yang mengangkat pendekatan kendalian berprinsip dan tertib, berdepan dengan kelompok yang lebih mahir mengadun persepsi dan mengeksploitasi sentimen awam. Pertembungan ini memperlihatkan dua jalur yang bertentangan, iaitu satu berasaskan kesantunan dan satu lagi digerakkan oleh rangsangan realpolitik yang mendasar.

Adapun ruang yang kian menyempit, beliau tetap

Dalam tempoh awal pemerintahannya, beliau menggerakkan satu wacana pentadbiran yang menekankan ketelusan, kecekapan dan pengukuhan sistem kehakiman yang lama dibayangi persepsi kawalan politik.

meletakkan harga diri melebihi angka pertumbuhan. Kritikan beliau terhadap mentaliti kelas ketiga mencerminkan keresahan terhadap budaya yang mengejar pembangunan tanpa membina pemikiran. Bagi Tun Abdullah, kemajuan hanya wujud apabila martabat manusia terangkat bersama nilainya.

Dalam semangat yang sama, kenaikan gaji penjawat awam pada tahun 2007 hingga 35 peratus, memperlihatkan ikhtiar kerajaan dalam memperkukuh martabat perkhidmatan awam melalui pendekatan yang lebih manusiawi. Pada peringkat dasar,

yang kemudian didedahkan oleh bekas Timbalan Pengerusi *New Straits Times Press*, Kalimullah Hassan beberapa tahun dahulu. Episod ini memperkukuh citra kepimpinannya yang enggan tunduk kepada desakan luar atau campur tangan yang mencemarkan prinsip keadilan. Garis pendirian itu konsisten dengan watak beliau yang menjauhkan diri daripada percaturan yang mengabaikan batas hukum dan adab kuasa.

Namun begitu, ketegasan Tun Abdullah dalam mempertahankan jalur reformasi akhirnya mengundang balasan tanpa disedari.

mengusahakan laluan untuk memperkukuh keyakinan terhadap institusi negara. Media diberikan sedikit ruang untuk bernafas, masyarakat sivil mula berkembang dengan lebih terbuka dan wacana pentadbiran berakauntabiliti mulai dirintis meskipun tidak menyeluruh.

Pemerhati luar mula memandangkan Malaysia sebagai percubaan awal ke arah model negara Islam progresif. Di sebalik usaha ini, tekanan dalaman terus meningkat apabila kelompok konservatif dan oportunistik menyusun semula rangka kuasa bagi mengecilkan pengaruh beliau dari dalam.



Ribuan rakyat hadir ketika Istiadat Pengebumian Negara di Masjid Negara baru-baru ini.



Berundur dalam Kedamaian

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) meletakkan beliau berada pada titik terendah dalam kerjaya politiknya. PRU-12 yang diadakan pada 8 Mac 2008 menajihkan kegagalan kolektif Barisan Nasional (BN) dalam mempertahankan legitimasi kuasa. Majoriti dua pertiga yang menjadi instrumen kelangsungan politik BN terhapus dalam satu malam. Gelombang ini segera memberikan isyarat bahawa keyakinan rakyat terhadap pentadbiran beliau sedang menyusut dengan drastik.

Sokongan dalam parti yang selama ini kelihatan kukuh mula merekah sebaik-baik sahaja keputusan diumumkan. Usai menang dalam kekalahan, Tun Dr. Mahathir tampil sebagai antara suara paling awal yang menuntut beliau

berundur atas nama tanggungjawab. Empat hari selepas pilihan raya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir menghantar sepucuk surat kepada barisan kepimpinan tertinggi UMNO antaranya termasuklah Timbalan Presiden, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak; Naib Presiden, Dato' Wira Mohd. Ali Rustam; Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Setiausaha Agung, Dato' Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Pada waktu yang sama, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut lantang mendesak beliau berundur, terutamanya melalui kenyataan "serangan dari Singapura", biarpun pada Mac 2016 beliau menzahirkannya sebagai satu penyesalan.

Tekanan demi tekanan yang berlaku akhirnya mendorong beliau untuk berdamai dengan takdir. Pada 8 Oktober 2008, dalam taklimat Dewan Tertinggi Barisan Nasional, beliau mengumumkan untuk tidak mempertahankan jawatan Presiden UMNO — satu keputusan yang memberikan isyarat jelas tentang peralihan kuasa. Tindakan ini memintas kemungkinan perpecahan

berulang dalam UMNO dan menjadi ikhtiar akhir untuk menjaga kestabilan parti yang semakin rapuh.

Sekilas renungan, tindakan ini mengungkap keperibadian Tun Abdullah yang sejak awal disedari memilih untuk mendahulukan kestabilan parti berbanding dengan mempertahankan jawatan. Beliau tidak menunggu masa untuk dijatuhkan. Keputusan itu turut mengejutkan Tun Dr. Mahathir yang tidak menjangkakan bahawa pengunduran beliau berlaku secepat itu.

Keputusan beliau pada ketika itu mungkin tidak disambut dengan tepukan gemuruh, namun membawa makna yang jauh lebih mendalam. Melepaskan kuasa ketika masih menggenggamnya menuntut jiwa besar yang jarang-jarang ditemui dalam kalangan pemimpin atasan. Dalam gelanggang yang semakin dipenuhi kelicikan dan pengiraan peribadi, beliau memilih untuk melangkah keluar dengan tangan yang bersih. Tanpa sorakan yang bergema, langkah itu memanjangkan hayat UMNO hampir sedekad sebelum parti itu dikeluarkan dari koridor kuasa pada tahun 2018.

Daripada peristiwa ini, muncul juga pandangan yang

"Saya tidak tahu apa-apa yang orang kata ... saya tidak pernah mengatakan demikian. Saya tidak mahu menonjolkan diri sebagai 'Mr. Nice Guy' atau apa-apa sahaja. Orang kata macam itu, tetapi saya tetap saya," ungkap beliau.

Kenangan Allahyarham bersama-sama isteri, Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmud.



Jenazah dibawa menuju ke Makam Pahlawan, Masjid Negara.



Tun Jeane Abdullah (isteri Allahyarham) semasa Istiadat Pengebumian Negara.

membandingkan susuk Tun Abdullah dengan Mikhail Gorbachev — reformis yang membawa harapan tanpa sempat menamatkan pelan perubahannya. Namun begitu, Sarjana Sains Politik, Profesor Madya Dr. Muhamad Takiyuddin Ismail, mengambil pendekatan berbeza dengan menyifatkan watak Tun Abdullah lebih dekat dengan Nikita Khrushchev. Kedua-duanya hadir dalam sistem yang keras, membawa iltizam pembetulan dan akhirnya dikeluarkan secara senyap sebelum misi mencapai penyudahnya. Apa-apa yang ditinggalkan akhirnya hanyalah sebuah legasi yang mungkin juga sudah terlupakan.

Legasi Tun Abdullah

Tingginya langit tidak menuntut penjelasan tentang setinggi mana langit berdiri. Begitulah jua dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi — hadir, memikul dan berundur tanpa menjajakan nama. Dalam temu bual bersama radio tempatan pada 15 Mac 2004, beberapa hari sebelum Pilihan Raya Umum ke-II, beliau ditanya tentang gelaran *Mr. Nice Guy* yang sering dilabelkan kepadanya. Jawabnya ringkas: "Saya tidak tahu apa-apa yang orang kata ... saya tidak pernah mengatakan demikian. Saya tidak mahu menonjolkan diri sebagai *"Mr. Nice Guy"* atau apa-apa sahaja. Orang kata macam itu, tetapi saya tetap saya," ungkap beliau.

Pengakuan yang ringkas itu merangkumkan inti perwatakannya. Beliau tidak pernah mendefinisikan dirinya melalui gelaran. Yang terpamer kepada umum merupakan kesinambungan antara kata-kata dengan tingkah laku. Maka itu, tidak menghairankan apabila riak-riak

penghormatan yang timbul selepas pengergiannya memperincikan sisi peribadi yang selama ini hanya disentuh sekilas. Beliau tidak membentuk watak untuk pentas dan tidak mengandakan wajah di hadapan pentas sepertimana yang dapat dilihat terhadap sesetengah penguasa pada hari ini. Apa-apa yang dizahirkan dalam kepimpinan merupakan lanjutan kepada nilai sama yang dipegang dalam kehidupan seharian.

Lama sebelum kuasa digenggam, falsafahnya sudah terbina. Beliau mentakrifkan kepimpinan sebagai taklif, yakni satu beban amanah yang menuntut kejujuran pada nilai dan kesetiaan pada prinsip. Setiap keputusan berpaut pada rasa tanggungjawab yang tidak terperi. Ketika kepimpinannya mewarisi kepimpinan dominasi, beliau lebih memilih untuk mengangkat kestabilan, kesederhanaan dan keterbukaan sebagai asas urus tadbir negara. Pendekatan ini tidak mencipta gegaran, namun tetap meninggalkan dampak—sama ada memihak atau sebaliknya.

Falsafah ini menjalar lebih dalam melalui konsep politik ihsan yang menjadi akar pendekatannya. Bagi beliau, seni memimpin berpaut pada keinsafan bahawa kuasa menuntut kesetiaan terhadap prinsip. Kelunakan dalam gaya tidak lahir daripada kelemahan, sebaliknya mencerminkan kematangan yang meredakan ketegangan tanpa mengorbankan martabat.

Arah agama dalam kepimpinan Abdullah tidak digarap untuk memenuhi tuntutan persepsi. Islam disemaikan sebagai nilai yang menghidupkan dasar, jauh sekali

sebagai alat retorik untuk menjana sokongan. Dalam pendekatannya, tidak wujud kecenderungan ke arah mempolitikkan agama atau menunggangnya sebagai instrumen penanda moral dalam gelanggang kuasa. Nilai ini disuntik jauh ke dalam sistem, tanpa diperdagangkan dalam apa-apa jua cara. Yang ditonjolkan ialah prinsip tadbir urus Islam yang menghidupkan makna agama dalam bentuk yang lebih substantif.

Pengundurannya memperlihatkan cara kuasa boleh ditinggalkan tanpa syarat. Tun Abdullah melepaskan peranan tertinggi dalam genggaman kuasa yang boleh sahaja dilampiaskan demi mengekalkan kedudukannya sepertimana amalan realisme sang penguasa. Namun begitu, beliau memilih untuk pergi dalam keadaan terkawal — tiada drama dan tiada amarah. Yang ada hanyalah sebuah kemaafan yang mengiringi.

Legasi yang ditinggalkan tidak menunggu untuk disambut. Tun Abdullah tidak mengukir namanya melalui sanjungan mahupun sorakan. Yang tinggal ialah keikhlasan yang tidak meminta untuk dikenang. Tat kala pentafsiran sempit kemenangan ialah melalui penguasaan, Allahyarham memperlihatkan erti dan sisi yang lain, iaitu mengundurkan diri sebelum waktunya tiba. Inilah erti sebenar kedamaian abadi seorang pejuang dan negarawan yang akan dikenang sampai bila-bila. Al-Fatihah. ●

Penulis, sedang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan pensyarah sambilan di Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE), Universiti Utara Malaysia.